

07 JUN 2002

Bowie-Mahathir/I

DR MAHATHIR TOKOH YANG BOLEH DIHARAPKAN

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Rakyat Amerika kini kembali tertarik dengan Malaysia setelah fikiran mereka tidak lagi dibayangi oleh ketakutan kononnya negara ini ditenggelami oleh kebingitan bunyi siren dan jalan rayanya pula dipenuhi oleh samseng yang sentiasa bermaharaja lela.

"Tidak ada peminta sedekah di jalan-jalan raya dan rakyatnya sentiasa mengukir senyuman. Ia juga bukan syurga atau pusat bagi pengganas. Malah, ia lebih selamat berbanding kebanyakan tempat lain," kata penulis dan penganalisis politik terkenal, Datuk Dr Paddy Bowie, dalam rencananya yang disiarkan melalui YTLcommunity.com, sebuah laman web yang dikendalikan oleh YTL e-solutions Bhd, pada 3 Jun.

Menurut beliau, kemungkinan besar, begitulah reaksi penduduk Amerika setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat negara mereka dan mengadakan pertemuan dengan Presiden George Bush di White House bulan lepas.

Dalam kunjungan itu, Dr Mahathir yang turut mengadakan pertemuan dengan para pemimpin lain pentadbiran Bush, telah berjaya memberi penjelasan tentang kedudukan umat Islam di seluruh dunia dan menangkis anggapan kebanyakan pihak bahawa semua orang Islam mempunyai kaitan dengan gerakan pengganas.

Dalam tulisannya, Dr Bowie berkata Dr Mahathir tidak pernah jemu meluahkan pendapatnya dan jika sebelum ini tidak ramai bersetuju dengan apa yang beliau ucapkan, tetapi kini semakin ramai yang menerima apa yang beliau katakan.

"Kami bercadang memberi peluang kepadanya untuk berbicara dalam keluaran akan datang khususnya mengenai perkara-perkara yang dianggap begitu penting berhubung lawatannya baru-baru ini. Paling tidakpun, ia akan membuat kita mempunyai tanggapan baru terhadap seseorang yang sebelum ini sering disalah erti dan diumpat," katanya.

Dr Bowie berpendapat kunjungan Dr Mahathir ke Amerika baru-baru ini telah berjaya menyerlahkan lagi identiti dan kedudukan beliau sebagai pemimpin Islam yang berwibawa.

Beliau setrusnya berkata, setelah bertahun-tahun dicop sebagai penghasut dan pembakar semangat anti Barat serta dikutuk sebagai orang yang menindas hak asasi manusia dan mempunyai mulut yang celupar, Dr Mahathir kini dilihat sebagai rakan yang amat berharga.

"Ramai menyedari bahawa ketika kepulan asap masih menyelubungi Pusat Dagangan Dunia yang hancur musnah, salah seorang insan yang mula-mula tiba di kedutaan Amerika di Kuala Lumpur untuk menandatangani buku takziah ialah Perdana Menteri negara ini," katanya.

Perubahan pendirian Amerika terhadap Dr Mahathir paling tepat disimpulkan oleh Duta Amerika ke Malaysia, Marie Huhtala, melalui kata-katanya yang berbunyi "Dr Mahathir adalah sebahagian daripada penyelesaian dan bukannya sebahagian daripada masalah," kata Dr Bowie, yang juga seorang penceramah yang sering mengambil bahagian dalam pelbagai persidangan khususnya Persidangan Ahli-ahli Ekonomi dan Forum Lingkaran Pasifik.

Mengenai pertemuan antara Dr Mahathir dan Bush, beliau berkata, kehadiran Perdana Menteri Malaysia itu adalah lebih atas sifatnya sebagai seorang pemimpin Islam dan seorang tokoh yang ingin diminta pendapatnya oleh seorang pemimpin paling berkuasa di dunia tentang cara-cara untuk melancarkan perang terhadap keganasan.

"Mereka yang ragu-ragu mendakwa ia merupakan satu keriangian sementara. Tapi untuk julung kalinya, kita mengetahui suatu kisah positif tentang Malaysia berdasarkan realiti yang wujud.

"Memang benar, Dr Mahathir adalah orang yang sangat sederhana. Pemimpin sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai keturunan, budaya dan agama, yang menjadi model sebuah rejim Islam yang berasaskan tolak ansur, lebih bersifat sekular daripada bersifat teokratik dan degil," kata Dr Bowie, seorang lulusan Universiti Oxford yang meninggalkan United Kingdom untuk menetap di Malaysia sejak 45 tahun lepas.

Katanya, Malaysia mula bertindak terhadap gerakan pengganas pada 4 Ogos, lebih sebulan sebelum berlakunya serangan 11 September, dengan menahan kumpulan pertama militan Islam dan pendirian negara ini yang tidak langsung memberi muka kepada pengganas menjadi faktor penting yang merintis hubungan mesra dengan Amerika.

Beliau seterusnya berkata Dr Mahathir juga adalah seorang yang sentiasa mempertahankan kesucian Islam dan beliau sendiri mempamer dan mengamalkan konsep agama itu yang cintakan keamanan. Dr Mahathir juga, kata Dr Bowie menjadi cermin nilai sebenar yang dianjurkan oleh agamanya.

"Kebanyakan rakyat Malaysia mungkin tertanya-tanya kenapakah pengiktirafan ini lewat diberikan. Ini seolah-olah Dr. Mahathir tiba-tiba sahaja muncul dari kurungan agama sebagai seorang pemimpin yang bersifat sederhana. Tapi, untuk makluman semua di seluruh dunia, memang begitulah sifat beliau selama ini," katanya.

Dr Bowie berkata hakikat ini telah terserlah di hadapan hadirin pada majlis Jamuan Malam AS-Asean di Washington apabila pemimpin Malaysia yang sering disalah anggap sebagai seorang lelaki yang bersikap buruk, membuktikan bahawa beliau sebenarnya adalah seorang tokoh yang penuh sopan santun serta lembut bicaranya, sesuai dengan sifat orang Melayu yang ramah, bijak dan kadangkala kelakar.

Sikap Dr Mahathir yang serius pula terpamer melalui mesyuarat utama, mesyuarat biasa dan sesi tertutup yang beliau adakan dengan anggota kongres dan Senat serta temubual dengan pihak media.

"Beliau tidak langsung memberi muka kepada pengganas individu yang dianggapnya perlu diburu dan dibawa ke muka pengadilan," kata Dr Bowie.

Tuan rumah negara yang dikunjunginya dapat melihat sekali imbas kehebatan yang dimiliki oleh Dr Mahathir serta bagaimana pengaruh latihan kedokteran yang pernah beliau terima dan naluri seorang doktor yang dimilikinya telah membentuk gaya beliau berpolitik.

Kini, Pope John Paul 11 pula mengundang beliau ke Vatican.

-- BERNAMA
SR ZS SP PR